MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH

PELAN STRATEGIK

2021 - 2025

LAPORAN PENCAPAIAN TAHUN 2024

2.0 Tahap Pengukuran Pencapaian



Rajah 1.1 Pengukuran Pencapaian Mengikut Kod Warna

Rajah 1.1 menunjukkan pengukuran bagi pencapaian setiap indikator diukur menggunakan kaedah kod warna unggu, hijau, biru, dan merah. Warna unggu dalam rajah menunjukkan tahap pencapaian indikator adalah 110% dan ke atas. Ini merujuk kepada pencapaian cemerlang apabila jumlah pencapaian yang telah diperolehi melebihi 10% daripada sasaran yang ditetapkan bagi tahun semasa. Warna hijau pula dalam rajah merujuk kepada tahap pencapaian indikator adalah 101%-109%. Pada tahap ini pencapaian yang diperolehi adalah melepasi sasaran dan tercapai bagi setiap indikator. Warna biru dalam rajah pula merujuk kepada tahap pencapaian yang mencapai sasaran iaitu 100%. Ini menunjukkan indikator telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan pada tahun semasa. Warna merah dalam rajah pula merujuk kepada peratusan 99% ke bawah. Ini menunjukkan proses gerak kerja telah dilakukan namun belum siap dilaksanakan sepenuhnya.

3.0 Pencapaian Pelan Strategik

3.1 Teras 1 - Mempertingkatkan Kualiti Tadbir Urus Pengurusan

i. Strategik 1 – Mempertingkatkan Amalan Tadbir Urus Dan Budaya Kerja Yang Baik

Jadual 3.1 menerangkan terdapat 1 indikator yang cemerlang, 1 indikator yang mencapai sasaran, dan terdapat 1 indikator dalam strategik ini yang tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan bagi tahun 2024.

Jadual 3.1: Mempertingkatkan Amalan Tadbir Urus Dan Budaya Kerja Yang Baik

Inisiatif	Indikator	Sasaran	Pencapaian	Penjelasan	Tahap Pencapaian
		2024			
1.2 Mengemas kini Standard Operating Procedure (SOP)	1.2.1 Bilangan SOP Diwujudkan	10	10	1. SOP Pengurusan dan Pengendalian Bilik Server MAIK 2. SOP Perisytiharan Bahawa Seseorang Itu Bukan Lagi Orang Islam Dan Pelaksanaan Istitabah 3. SOP Perolehan 4. SOP Kaedah Penerimaan Wakaf Tunai. 5. SOP Pengurusan Pengwujudan Kariah Baharu (Pecah Kariah / Persempadanan Semula) 6. SOP Pengurusan Kebenaran Membina, Merombak, Mereban, Mengubahsuai, Menambah dan Membaikpulih Masjid Dan Surau di Negeri Kedah 7. SOP Pengurusan Harta Luqatah 8. SOP Pengurusan Komputer Di MAIK 9. Garis Panduan Pembangunan Sistem Aplikasi di MAIK 10. SOP Pengurusan Audit Dalam MAIK.	**Mencapai Sasaran**
	1.2.2 Bilangan	8	1	Tiada semakan semula oleh kerana SOP yang sedia ada masih baru digunakan	**Tidak Mencapai Sasaran**

	Semakan Semula SOP			**SOP yang telah dibuat semakan semula** 1. SOP Semakan Semula Prosedur Pengurusan Tuntutan Jenazah Saudara Baharu.	
1.3 Meningkatkan kompentensi Modal Insan	1.3.1 Bilangan aktiviti/ program/ kursus	4	12	1. Kursus SPMB – Pengurusan Hasil 2. Kursus SPMB – Pengurusan Belanja 3. Kursus Penulisan Laporan (telah dilaksanakan pada 9-10 Jun 2024) 4. Kursus Pembinaan Pasukan Ke Arah Peningkatan Organisasi Siri 2 (telah dilaksanakan pada 8-9 Mei 2024) 5. Taklimat Tatacara Penggunaan Sistem Sumber Manusia (e-gaji) 6. Bengkel Tatacara Penggunaan Sistem Perakaunan Dan Belanjawan Baharu Kepada Pengguna –Penyediaan, Semakan & Pelarasan Majlis Agama Islam Negeri Kedah. 7. Bengkel Pemurnian Pelan Anti Rasuah Organisasi Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman. 8. Kursus Kepimpinan Kendiri Untuk Kakitangan Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman Oleh Pricewaterhousecooper Advisory Services Sdn. Bhd 9. Bengkel (Training Of Trainer) ToT ICT 10. Kursus Penyegaran Untuk Kakitangan MAIK 3/3/2024 11. Taklimat Pengurusan Kewangan untuk kakitangan MAIK. (30/7/2024) 12. Bengkel Pengurusan Kewangan Dan Perakaunan 2024 : Tatacara Pengurusan Kewangan Dan Perakaunan – Kaedah Penyelesaian Terhadap Teguran Audit	**Cemerlang**

ii. Strategik 2 – Memastikan Kepatuhan Dan Kelestarian Pengurusan Kewangan

Jadual 3.2 mendapati bahawa keempat-empat indikator tidak mencapai sasaran iaitu Peratus Penjimatan Kos Pengurusan Dan Pentadbiran, Peratus Permatuhan Fasa 3 Piawaian Perakaunan Islam Baitulmal Zakat dan Wakaf (PPIBZW), Peratus Peningkatan Perolehan dalam Pelaburan dan Bilangan Teguran Audit terhadap Penyata Kewangan Tahunan.

Jadual 3.2 : Memastikan Kepatuhan dan Kelestarian Pengurusan Kewangan

Inisiatif	Indikator	Sasaran	Pencapaian	Penjelasan	Tahap Pencapaian
		2024			
1.1 Melaksanakan Penjimatan Kos pengurusan dan pentadbiran	1.1.1 Peratus penjimatan	20%	16%	1. Baki perbelanjaan barang keperluan pejabat adalah RM7,210.90 bersamaan 6.68% dari anggaran perbelanjaan yang disediakan. 2. Baki perbelanjaan bagi utiliti adalah RM19,517.50 bersamaan 9.75% dari anggaran sebenar. Peratusan penjimatan adalah sebanyak 16.43% adalah tidak tercapai sebanyak 3.57% daripada dibandingkan dengan anggaran 2024 iaitu sebanyak 20%. Hasil kajian bahagian kewangan mendapati terdapat pembelian alatulis komputer yang tinggi pada tahun 2024 di mana pada tahun 2023 kita telah membeli sebanyak 12 biji pencetak kepada semua kakitangan PSM yg ditempatkan di Pejabat Agama Daerah. Pembelian pencetak tersebut telah menyebabkan kos pembelian alatulis komputer iaitu dakwat pencetak telah meningkat dan penjimatan sebanyak 20% tidak dapat dicapai sebanyak 3.57%. Walaubagaimanapun dengan pembelian pencetak baru dan dakwat pencetak telah melancarkan proses kerja kakitangan PSM MAIK seperti pengeluaran resit rasmi di mana MAIK telah memperkenalkan pelbagai skim wakaf tunai kepada pelanggan, selain itu juga MAIK juga telah menjadi pusat pembayar utama bagi bayaran Fidyah dan Kafarah kpd seluruh warga Kedah.	**Tidak Mencapai Sasaran**
1.2 Menerima pakai Piawaian Perakaunan Islam Baitulmal Zakat dan Wakaf (PPIBZW)	1.2.1 Peratus pematuhan	Fasa 3	0%	Fasa ke 3 telah digunapakai bagi Penyata Kewangan 2023 bagi Pendedahan Aset dan Laibiliti mengikut PPIBZW. Fasa 4 akan digunapakai bagi Penyata Kewangan tahun 2024 bagi pendedahan lain.	**Tidak Mencapai Sasaran**

1.3 Memastikan peningkatan perolehan dalam pelaburan	1.3.1 Peratus peningkatan	6%	19%	Terdapat peningkatan perolehan sebanyak 19% dimana ia telah melebihi sasaran yang ditetapkan. Jumlah Hibah pelaburan bagi suku tahun 4/2024 adalah sebanyak RM593,243.28. Peningkatan disebabkan pemilihan bank yang menawarkan skim kadar keuntungan pelaburan yang tinggi berbanding institusi kewangan yang lain. Selain itu juga terdapat peningkatan dalam pelaburan yang baharu di mana kita telah mencairkan atau tidak memperbaharui pelaburan daripada institusi kewangan yang menawarkan kadar keuntungan yang rendah dan melabur ke institusi kewangan yang lain yang menawarkan kadar keuntungan yang lebih tinggi.	**Cemerlang**
1.4 Memastikan sifar teguran audit terhadap penyata kewangan tahunan	1.4.1 Bilangan teguran daripada Jabatan Audit Negara	3	1	Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 telah diaudit oleh Jabatan Audit Negara dan berjaya memperoleh Sijil Audit Bersih Teguran audit tersebut adalah : 1) HARTANAH PELABURAN RM17.64 JUTA (NOTA 15- M/S 36) - Kesilapan Klasifikasi Tanah Pajakan Sebagai Tanah Pegangan Bebas Berjumlah RM251,000.	**Cemerlang**

iii. Strategik 3 – Memartabatkan Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Pusba) Sebagai Institusi Pendidikan Saudara Baru Yang Ulung

Jadual 3.3 mendapati terdapat satu indikator yang cemerlang iaitu Peratus Pelajar Lulus, dua indokator yang mencapai sasaran iaitu Bilangan Program – Taklimat dan Bilangan Program – Promosi. Manakala, satu indikator lagi melepasi sasaran iaitu Bilangan Program – Kolaborasi seperti yang telah ditetapkan bagi tahun 2024.

Jadual 3.3 : Memartabatkan Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Pusba) Sebagai Institusi Pendidikan Saudara Baru Yang Ulung

Inisiatif	Indikator	Sasaran	Pencapaian	Penjelasan	Tahap Pencapaian
		2024			
1.2 Memastikan peningkatan prestasi kefahaman pelajar	1.2.1 Peratus pelajar lulus	80%	85%	Kelas Bulanan : 47 orang daripada 66 orang pelajar lulus Kelas Mingguan : 326 orang daripada 371 orang pelajar lulus	**Cemerlang**
				1) Taklimat pengenalan, fungsi dan peranan PUSBA kepada Pertubuhan Dakwah & Tarbiyah, IDT (7 Januari 2024). 2) Taklimat pengenalan, fungsi dan peranan PUSBA kepada Hidayah Centre Alor Setar (11 Januari 2024)	

1.3 Memperkenalkan PUSBA kepada masyarakat	1.3.1 Bilangan program - Taklimat	8	8	3) Taklimat pengenalan, fungsi dan peranan PUSBA kepada Institut Malaysia Islam Sarawak (29 Januari 2024) 4) Taklimat pengenalan, fungsi dan peranan PUSBA kepada Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (1 Februari 2024) 5) Program retreat pendakwah muallaf – memberi penerangan berkaitan PUSBA kepada pendakwah muallaf LZNK (4 Februari 2024) bertempat di Merdeka Beach Resort. 6) Taklimat berkaitan pengurusan PUSBA kepada Pegawai Hal Ehwal Islam Pejabat Agama Kuala Kangsar pada 8 Mei 2024 bertempat di PUSBA. 7) Taklimat fungsi dan peranan PUSBA kepada kakitangan kerajaan yang mengikuti kursus induksi anjuran INSPIN di Hotel Seri Malaysia pada 10 Jun 2024. 8) Taklimat berkaitan fungsi dan peranan PUSBA kepada JHEAIK, LZNK dan NGO berkaitan muallaf pada 1 Julai 2024 bertempat di Raia Hotel Alor Setar.	**Mencapai Sasaran**
	1.3.2 Bilangan program - Promosi	6	6	1) Promosi melalui pendakwah zakat Kedah 2) Promosi melalui khutbah Jumaat pada 31 Mei 2024 yang bertajuk “Kehidupan Baharu Seorang Muallaf”. 3) Promosi melalui penampalan poster di masjid pada 25 Mei 2024 sekitar daerah Baling. 4) Promosi melalui pamplet kepada Pejabat Agama Bandar Baharu pada 11 Jun 2024 5) Promosi melalui risalah kepada SMA Islah Pendang pada 9 September 2024. 6) Promosi melalui takwim MAIK 2024.	**Mencapai Sasaran**
				1) Program retreat bersama pendakwah muallaf Lembaga Zakat Negeri Kedah (4 Februari 2024) bertempat di Merdeka Beach Resort Pantai Merdeka. 2) Program pencegahan kebakaran dan pemeriksaan keselamatan bangunan bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Sungai Petani (31 Januari 2024) bertempat di PUSBA.	

	1.3.3 Bilangan program - Kolaborasi	8	9	3) Program agihan zakat fitrah dan baju raya kepada muallaf yang baru memeluk Islam bersama Lembaga Zakat Negeri Kedah dan PERKIM Sungai Petani (28 Mac 2024) bertempat di Masjid Muttaqin Taman Ria dan Jakel Sungai Petani. 4) Sambutan program Nuzul Al-Quran dan Ihya' Ramadhan bersama Surau Al-Hidayah, Taman Melati, Sungai Petani pada 4 April 2024 bertempat di Surau Al-Hidayah, Taman Melati. 5) Menghantar pelajar lepasan PUSBA meneruskan pengajian di Pusat Tarbiyah Muallaf Utara (PUSTAMU), Bukit Selambau, Kedah pada 7 Mei 2024. 6) Kerjasama antara PUSBA dan JAKIM melalui Penggerak Masyarakat Orang Asli yang ditempatkan di Ulu Legong, Baling bagi memantau dan membimbing pelajar lepasan PUSBA di perkampungan orang asli tersebut pada 21 Mei 2024 bertempat di Perkampungan Orang Asli Ulu Legong, Baling. 7) Kerjasama PUSBA melalui Tok Batin (Penghulu Masyarakat Orang Asli Suku Kensiu) bagi memilih orang asli yang berpotensi dan berminat untuk belajar di PUSBA pada 21 Mei 2024 bertempat di Perkampungan Orang Asli Ulu Legong, Baling. 8) Seminar Pemantapan Akidah anjuran Persatuan Dakwah Islamiah dan Kebajikan Saudara Baharu India Semalaysia (AL-HIDAYAH) dengan kerjasama Divisyen Pembangunan Muallaf Dan Dakwah Sosial LZNK seramai 9 orang (2 Jun 2024) bertempat di Dewan LZNK. 9) Program Youth Skills @ IKBN Naka (Kursus Hasilan Daging) melibatkan 25 orang pelajar PUSBA anjuran Institut Kemahiran Belia Negara Cawangan Naka, Kuala Nerang pada 8 Jun 2024 bertempat di PUSBA.	**Melepasi Sasaran**

Carta menunjukkan peratus pencapaian bagi teras pertama iaitu mempertingkatkan kualiti tadbir urus pengurusan di MAIK. Pengukuran adalah berdasarkan kepada 11 indikator dalam teras ini. Rumusan daripada hasil kajian menjelaskan 36% iaitu 4 indikator menunjukkan prestasi yang cemerlang dan 1 indikator yang melepasi sasaran iaitu 9%.

Selain itu, 27% iaitu 3 indikator menunjukkan prestasi yang mencapai sasaran. Walaubagaimanapun 3 indikator iaitu 27% tidak mencapai sasaran.

Formula Pengiraan Carta : [Tahap Pencapaian Indikator/ jumlah indikator] x 100%



Rajah 3.1 Carta Bagi Teras 1 Iaitu Mempertingkatkan Kualiti Tadbir Urus Pengurusan

3.2 Teras 2 – Memantapkan Peranan Baitulmal Sebagai Institusi Penggerak Ekonomi Dan Sosial Umat Islam

i. Strategik 1 – Mempertingkatkan Kualiti Pengurusan Hartanah Baitulmal

Jadual 3.4 mendapati terdapat satu indikator yang tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan bagi Tahun 2024 iaitu Jumlah Pembelian Balik Hartanah.

Jadual 3.4 : Mempertingkatkan Kualiti Pengurusan Hartanah Baitulmal

Inisiatif	Indikator	Sasaran	Pencapaian	Penjelasan	Tahap Pencapaian
		2024			
1.2 Memantapkan pengurusan jual beli hartanah	1.2.1 Jumlah pembelian balik hartanah	120	38	Pembelian tanah Baitulmal adalah berdasarkan permohonan yang diterima daripada pembeli mengikut kes harta pusaka dan mengikut kemampuan pemohon untuk membeli tanah bahagaian Baitulmal. Pada tahun 2025 bahagian Baitulmal telah mengeluarkan tawaran sebanyak 73 lot. Walau bagaimanapun hanya 38 sahaja yang dibeli balik oleh pemohon yang jumlah keseluruhan adalah sebanyak RM623,368.37. Pentadbiran Baitulmal telah mengambil inisiatif baru dengan mewujudkan kaedah pembelian tanah baitulmal dengan tawaran bayaran secara ansuran.	**Tidak Mencapai Sasaran**

ii. Strategik 2 – Memantapkan Peranan Baitulmal Dalam Menyalurkan Bantuan Kepada Golongan Bersasar

Jadual 3.5 mendapati 2 indikator yang cemerlang, 1 indikator yang melepasi sasaran, 2 indikator yang mencapai sasaran, dan 1 indikator yang tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan bagi tahun 2024.

Jadual 3.5 : Memantapkan Peranan Baitulmal Dalam Menyalurkan Bantuan Kepada Golongan Bersasar

Inisiatif	Indikator	Sasaran	Pencapaian	Penjelasan	Tahap Pencapaian
		2024			
1.1 Memperkasakan bantuan Baitulmal	1.1.1 Bilangan khemah niaga	80	119	Diagihkan kepada MBAS sebanyak 10 unit dan 85 unit kepada orang awam di peringkat daerah	**Cemerlang**
	1.1.2 Bilangan Motosikal	9	10	9 unit telah diagihkan kepada penerima yang terdiri daripada OKU, manakala 1 unit kepada penerima miskin dan orang yang kurang berkemampuan.	**Melepasi Sasaran**
	1.1.3 Bilangan kiosk	10	14	Sebanyak 14 Unit telah diagihkan kepada orang awam	**Cemerlang**
	1.1.4 Nilai kaedah bantuan kepada gelandangan	RM60,000.00	RM35,000.00	Telah diagihkan kepada gelandangan melalui Kindness Malaysia. Bantuan yang diagihkan berupa makanan dan keperluan asas alat-alat pembersihan diri. Ini kerana gelandangan di negeri Kedah berkurangan.	**Tidak Mencapai Sasaran**
	1.1.5 Peratus Sekolah Agama Rakyat (SAR) - bantuan makanan	80%	80%	Agihan telah selesai untuk tahun 2024 yang melibatkan 846 orang pelajar daripada 31 buah Sekolah Menengah Agama Rakyat dengan kos RM833,310.00	**Mencapai Sasaran**
1.2 Berinovasi dalam memberi bantuan	1.2.1 Bilangan kaedah bantuan	4	4	1) Agihan Al Quran Braile kepada OKU 2) kaki Palsu (Inovasi yang MAIK tidak pernah buat) 3) Lesen memandu dan motosikal (Inovasi yang MAIK tidak pernah buat) 4) Model Tuisyen sekolah agama (Maahad Tahfiz Mutmainnah, Kuala Muda, 36 pelajar)	**Mencapai Sasaran**

iii. Strategik 3 – Meningkatkan Pendapatan Bagi Melaksanakan Projek Pembangunan Ekonomi Sosial.

Hasil kajian merujuk Jadual 3.6 mendapati dua indikator yang cemerlang iaitu Jumlah Penjanaan Pendapatan dan Jumlah kutipan skim TABK – Fidyah dan Kafarah. Manakala lagi dua indikator tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan bagi tahun 2024 iaitu Jumlah kutipan skim TABK – Infak Fisabilillah dan Kafarah serta – Wang atau harta yang tidak patuh Syariah.

Jadual 3.6 : Meningkatkan Pendapatan Bagi Melaksanakan Projek Pembangunan Ekonomi Sosial.

Inisiatif	Indikator	Sasaran	Pencapaian	Penjelasan	Tahap Pencapaian
		2024			
1.1 Meningkatkan penjanaan pendapatan	1.1.1 Jumlah penjanaan pendapatan (hasil Baitulmal)	RM2.4 juta	RM3008930.39	Pendapatan Baitulmal untuk tahun 2024	**Cemerlang**
	1.1.2 Jumlah kutipan skim TABK - Fidyah dan Kafarah	RM2.8 Juta	RM4,570,673.36	Jumlah kutipan fidyah dan kafarah tahun 2024	**Cemerlang**
	1.1.3 Jumlah kutipan skim TABK - Wang atau Harta yang tidak patuh syariah	RM220 Ribu	RM177,957.96	Kutipan wang tidak patuh syariah tidak mencapai sasaran kutipan kerana kurang promosi dan kolaborasi dengan pihak luar Pihak TABK akan berusaha mempelbagai bentuk promosi dan kempen kesedaran kepada masyarakat serta kolaborasi dengan pihak bank atau institusi kewangan	**Tidak Mencapai Sasaran**
	1.1.4 Jumlah kutipan skim TABK - Infak Fisabilillah	RM140 Ribu	RM84,427.87	Kutipan infak fisabilillah tidak mencapai sasaran kutipan kerana kurang promosi dan kurang mendapat sambutan di kalangan masyarakat Pihak TABK akan berusaha mempelbagai bentuk promosi dan melaksanakan ikon infak fisabilillah iaitu projek pelupusan al-Quran dan projek telaga air	**Tidak Mencapai Sasaran**

Strategik 4 – Mewujudkan Pengurusan Hibah Dan Wasiat Yang Efisen

Hasil kajian merujuk Jadual 3.7 mendapati terdapat 1 indikator yang melepasi sasaran iaitu bilangan program TABK, 5 indikator yang tidak mencapai sasaran iaitu peritus penyediaan prasarana Unit Hibah dan Wasiat, bilangan kaedah hebahan dan promosi, bilangan permohonan hibah, bilangan permohonan wasiat dan bilangan kaedah penerimaan bayaran Skim TABK.

Jadul 3.7 : Mewaujudkan Pengurusan Hibah Dan Wasiat Yang Efisen

Inisiatif	Indikator	Sasaran	Pencapaian	Penjelasan	Tahap Pencapaian
		2024			
1.1 Mewujudkan perkhidmatan hibah dan wasiat	1.1.1 Peratus penyediaan prasarana Unit Hibah dan Wasiat	80%	-	KIV sehingga Enakmen diluluskan	Tidak Mencapai Sasaran
	1.1.2 Bilangan kaedah hebahan dan promosi	5	-		Tidak Mencapai Sasaran
	1.1.3 Bilangan permohonan hibah	15	-		Tidak Mencapai Sasaran
	1.1.4 Bilangan permohonan wasiat	15	-		Tidak Mencapai Sasaran
1.2 Memantapkan kutipan Skim TABK	1.2.1 Bilangan program TABK	4	5	1) Majlis Penyampaian Sumbangan Fidyah di Masjid As-salam, Kariah Chepir pada 7 Mac 2024 2) Agihan Tunai dan Beras kepada 8,820 fakir miskin melalui 588 masjid dalam negeri Kedah 3) Tajaan Bayaran Makan kepada pelajar-pelajar miskin kepada 31 buah sekolah dan 39 pondok 4) Projek Mini Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) KAFA kepada 2,200 pelajar KAFA tahun 2 seluruh Kedah 5) Projek Kabin Guru KAFA di lima buah sekolah	Melepasi Sasaran

	1.2.2 Bilangan kaedah penerimaan bayaran TABK	7	0	1) TABK menerima hasil di kaunter MAIK dan kaunter Pejabat Agama Daerah melalui bayaran tunai kerana mesin untuk mesin penerimaan hasil "Cashless" tidak berfungsi. 2) Unit TABK akan berusaha mencari kaedah baru dalam penerimaan bayaran TABK pada tahun 2025 : - Kemaskini perkhidmatan skim-skim TABK di dalam Portal iBAYAQ - Touch N Go E-Wallet	**Tidak Mencapai Sasaran**

Carta menunjukkan peratus pencapaian bagi teras kedua dalam memantapkan peranan Baitulmal sebagai institusi penggerak ekonomi dan sosial umat islam di MAIK. Terdapat 17 indikator dalam teras ini. Rumusan daripada hasil kajian menjelaskan bahawa 4 indikator iaitu 23% menunjukkan prestasi yang cemerlang dan 2 indikator iaitu 12% melepasi sasaran. Di samping itu 2 indikator iaitu 12% telah mencapai sasaran bagi tahun 2024. Walau bagaimanapun 9 indikator iaitu 53% tidak mencapai sasaran.

Formula Pengiraan Carta: [Tahap Pencapaian Indikator/ jumlah indikator] x 100%



Rajah 3.2 Carta Bagi Teras 2 Iaitu Memantapkan peranan Baitulmal Sebagai Institusi Penggerak Sosial Dan Ekonomi Umat Islam

4.3 Teras 3 – Memperkasakan Wakaf Sebagai Instrumen Pembangunan Ekonomi Sosial Umat Islam

i. Strategik 1 – Mempertingkatkan Kualiti Pengurusan Hartanah Wakaf

Hasil kajian merujuk Jadual 3.8 mendapati satu indikator yang terdapat dalam Teras 3 Strategik 1 ini mencapai sasaran yang telah ditetapkan bagi Tahun 2024.

Jadual 3.8 : Mempertingkatkan Kualiti Pengurusan Hartanah Wakaf

Inisiatif	Indikator	Sasaran 2024	Pencapaian 2024	Penjelasan	Tahap Pencapaian
1.2 Mempelbagaikan kerjasama dengan pihak luar	1.2.1 Bilangan program kolaborasi dengan pihak luar	8	8	1 - Kerjasama bersama Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia dalam membuat penyelidikan mengenai tanah perkuburan lama sama ada wujud atau tidak perkuburan lama di Masjid Sematang Gunung 2 -Kerjasama bersama Takaful Ikhlas Family Berhad bagi tujuan "marketing planning" atau gerak kerja yang akan dijalankan 23 Jun 2024 3 -Kerjasama bersama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEIK) dan agensi agama di Negeri Kedah dalam program Hi Tea Wakaf bertujuan untuk menggalakkan pegawai agensi agama membuat potongan secara bulanan 20 Februari 2024 4 -Kerjasama bersama Takaful Ikhlas Family Berhad dalam menganjurkan program ceramah perdana Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Setar mengenai Skim Dana Wakaf Tunai 13 Jun 2024 5 -Kerjasama Lembaga Zakat Negeri Kedah dalam kutipan wakaf tunai pembelian kilang padi di Daerah Yan 6 -Kerjasama Wakaf bersama PAD Kulim dalam pembukaan booth Skim Dana Wakaf Tunai di Program Pameran Kerjaya Karnival sempena Sambutan Maal	**Mencapai Sasaran**

				Hijrah anjuran Masjid Nurassaadah Taman Sejahtera yang diadakan di Lunas, Kulim 11 Julai 2024 7 -Pameran Skim Dana Wakaf Tunai dan perkhidmatan MAIK bersama Tabk dalam Program Usahawan Kedah Bangkit Bersama Berniaga di Bangunan Ukir Mall, Alor Setar 8 Julai 2024 8 -Taklimat Wakaf Tunai bersama Takaful Ikhlas Family Berhad di Sekolah Ulu Kechil, Bandar Baharu 12 September 2024	

ii. Strategik 2 – Merancang Projek Pembangunan Berpotensi Di Atas Tanah Wakaf

Hasil kajian merujuk jadual 3.9 mendapati dua indikator yang tidak mencapai sasaran iaitu bilangan projek Baharu – sosial dan bilangan projek baharu - ekonomi yang telah ditetapkan bagi Tahun 2024.

Jadual 3.9 : Merancang Projek Pembangunan Berpotensi Di Atas Tanah Wakaf

Inisiatif	Indikator	Sasaran	Pencapaian	Penjelasan	Tahap Pencapaian
		2024			
1.1 Merancang projek yang menjana ekonomi	1.1.1 Bilangan projek baharu-ekonomi	5	1	1-Projek tanaman tebu Lokasi projek:Lot RC258 mukim Temin daerah Kubang Pasu, bagi syarat tapak perkuburan Pelaksana projek: Ahmad bin Majid (Anak Kariah) Kos projek: RM9,000.00 Fasa pertama Penjelasan tidak mencapai sasaran: **Projek Pertama** 1- Cadangan pembinaan Inap Wakaf Desa di atas LOT 10548 Akar Peluru. Cadangan ini telah di pohon di dalam RP-4 RMK Ke-12 bawah JAWHAR dan telah ditolak oleh Kementerian Kewangan di dalam bajet 2025	**Tidak Mencapai Sasaran**

				Projek Kedua 2- Pajakan tanah kepada Petubuhan Peladang Daerah Kuala Muda diatas tanah wakaf Masjid Kota Raja bagi tujuan pembinaan BHP Petrol Pihak PPK Kuala Muda telah menarik diri di atas bayaran pajakan melebihi bajet yang ditetapkan oleh PPK.	
1.2 Merancang projek sosial yang memberi faedah kepada masyarakat	1.2.1 Bilangan projek baharu-sosial	5	3	1) Masjid Padang Setol, Kuala Nerang Lokasi Projek : GM 1592 lot 1890 Mukim Pedu Pelaksana Projek : Kontraktor Ajeeman Utara SDN.BHD Kos Projek : RM 1,799,889.88 2) MASJID JAMI'UL KHAIR (Khariah Kampung Tong Pelu) - Lokasi Projek : GM 2897 Lot 70566 Mukim Pedu Daerah Padang Terap, - Pelaksana Projek :Jawatankuasa Penaja Masjid dan dipantau oleh JKR Negeri Kedah - Kos Projek : RM 3,405,580.00 3) Masjid Al-Muhtadin Sungai Seluang (PKNK) - Lokasi Projek : GM 5246 Lot 60126 Seksyen 11,Bandar Lunas,Kulim - Pelaksana Projek : Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) - Kos Projek : RM 4,389,270.20 Ada 3 Fasa	**Tidak Mencapai Sasaran**

iii. Strategik 3 – Memantapkan Pengurusan Wakaf Tunai Sebagai Sumber Peruntukan

Hasil kajian merujuk jadual 3.10 mendapati satu indikator yang telah cemerlang iaitu jumlah kutipan skim wakaf tunai. Manakala satu lagi Indikator mencapai sasaran iaitu bilangan skim dana yang diluluskan.

Jadual 3.10 : Memantapkan Pengurusan Wakaf Tunai Sebagai Sumber Peruntukan

Inisiatif	Indikator	Sasaran	Pencapaian	Penjelasan	Tahap Pencapaian
		2024			
1.1 Mewujudkan skim dana kutipan wakaf tunai	1.1.1 Bilangan skim dana yang diluluskan	4	4	1-Skim Dana Wakaf Tunai Masjid Al-Huda Kampung Hangus, Baling 2-Skim Dana Wakaf Tunai Masjid Assalam Kampung Alor Semela, Kota Setar 3-Skim Dana Wakaf Tunai Masjid Jamek Al-Ittihad Sg. Kob Kulim 4-Skim Wakaf Tunai Projek Hassan pembelian kilang padi, Yan	**Mencapai Sasaran**
	1.2.1 Jumlah kutipan skim wakaf tunai (RM juta)	RM2.7 Juta	RM3,990,032.01	wang terkumpul dari 1/1/24- 30/12/24	**Cemerlang**

Carta pai menunjukkan peratus pencapaian bagi teras ketiga iaitu memperkasakan wakaf sebagai instrumen pembangunan ekonomi sosial umat islam di MAIK. Terdapat 5 indikator dalam teras ini. Rumusan daripada hasil kajian menjelaskan 1 indikator iaitu 20% mendapat cemerlang. Selain itu, 2 indikator iaitu 40% telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan bagi tahun 2024. Walau bagaimanapun 2 indikator iaitu 40% tidak mencapai sasaran.

Formula Pengiraan Carta Pai: [Tahap Pencapaian Indikator/ jumlah indikator] x 100%



Rajah 3.3 Carta Pai Bagi Teras 3 Iaitu Memperkasakan wakaf Sebagai Instrumen Pembangunan Ekonomi Sosial Umat Islam

4.4 Teras 4 – Memperkukuhkan Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Terkini

i. Strategik 1 – Membangunkan Sistem Dan Pangkalan Data Yang Berpusat

Hasil kajian merujuk 3.11 mendapati enam indikator yang terdapat dalam Teras 4 Strategik 3 ini mencapai sasaran dan empat indikator tidak mencapai sasaran yang ditetapkan bagi Tahun 2024.

Jadual 3.11 : Membangunkan Sistem Dan Pangkalan Data Yang Berpusat

Inisiatif	Indikator	Sasaran	Pencapaian	Penjelasan	Tahap Pencapaian
		2024			
1.1 Membangunkan Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu (SPMB) secara dalaman	1.1.1 Peratus Kemajuan Modul - Pengurusan Sewaan	100%	100%	Pembangunan telah selesai. Penyelenggaraan dan pembaikan dibuat dari masa ke semasa berdasarkan kepada aduan. Manakala penambahbaikan dibuat berdasarkan kepada keperluan pengguna. mula digunakan pada 03 Januari 2024 oleh Bahagian Pembangunan Hartanah dan masih diperingkat pengujian dan penambahbaikan	**Mencapai Sasaran**
	1.1.2 Peratus Kemajuan Modul - Pengurusan Sumber Manusia	100%	100%	Pembangunan telah selesai. Penyelenggaraan dan pembaikan dibuat dari masa ke semasa berdasarkan kepada aduan. Manakala penambahbaikan dibuat berdasarkan kepada keperluan pengguna.	**Mencapai Sasaran**
		100%	90%	Modul yang masih dalam pembangunan : 1. Akaun iaitu bagi Submodul Semakan Urusniaga dan Laporan Penyata Kedudukan / Penyata Prestasi. 2. Laporan - modul ini mengandungi 39 jenis laporan yang dibahagikan kepada laporan berstatus mendesak (24 laporan) dan tidak mendesak (15 laporan). Laporan berstatus mendesak (24 laporan) telah	

	1.1.3 Peratus Kemajuan Modul - Pengurusan Perakaunan dan Belanjawan			disiapkan manakala laporan berstatus tidak mendesak (15 laporan) masih dalam pembangunan. Memandangkan sistem ini mengandungi 13 modul dan 39 jenis laporan, pelaksanaan sistem adalah secara berperingkat. Pembangunan sistem ini tidak mencapai sasaran kerana dalam tempoh pembangunan, terdapat penyelenggaraan dan pembaikan yang perlu dibuat ke atas ralat (error) bagi modul-modul dan laporan-laporan yang telah siap dibangunkan dan telah digunapakai oleh pengguna.	**Tidak Mencapai Sasaran**
1.1 Membangunkan Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu (SPMB) secara dalaman	1.1.4 Peratus Kemajuan Modul - Pengurusan Aset	100%	100%	Pembangunan telah selesai. Penyelenggaraan dan pembaikan dibuat dari masa ke semasa berdasarkan kepada aduan. Manakala penambahbaikan dibuat berdasarkan kepada keperluan pengguna.	**Mencapai Sasaran**
	1.1.5 Peratus Kemajuan Modul - Pengurusan Stor	100%	100%	Pembangunan telah selesai. Penyelenggaraan dan pembaikan dibuat dari masa ke semasa berdasarkan kepada aduan. Manakala penambahbaikan dibuat berdasarkan kepada keperluan pengguna.	**Mencapai Sasaran**

	1.1.6 Peratus pematuhan pembangunan SPMB ke atas SAGA	80%	70%	Pematuhan pembangunan SPMB ke atas SAGA ini memfokuskan kepada 8 kriteria teknikal. Sebanyak 6 kriteria telah disediakan iaitu Profil Pengguna, Backup dan Restore, Keselamatan Maklumat dan Rangkaian, Penamatan Automatik Logoff, Sistem Log Server dan DRC. Manakala 2 kriteria masih dalam penambahbaikan iaitu jejak audit dan kaedah penyulitan data. Peratus pematuhan tidak mencapai sasaran kerana terdapat penambahbaikan yang masih dibuat berdasarkan kepada kriteria penilaian terkini.	**Tidak Mencapai Sasaran**
1.2 Membangunkan Portal bersepadu yang mapan	1.2.2 Peratus kemajuan sistem e-Wasiat	0%	0%	KIV kerana Unit Hibah dan Wasiat belum diwujudkan.	**Tidak Mencapai Sasaran**
	1.2.3 Peratus kemajuan sistem e-Hibah	0%	0%		**Tidak Mencapai Sasaran**
1.3 Berkolaborasi dalam pembangunan sistem bersama pihak luar.	1.3.2 Peratus Kemajuan sistem bersama BTMK – Sistem Pengurusan Tanah	100%	100%	Pembangunan telah selesai. Penyelenggaraan dan pembaikan dibuat dari masa ke semasa berdasarkan kepada aduan. Manakala penambahbaikan dibuat berdasarkan kepada keperluan pengguna.	**Mencapai Sasaran**
1.5 Membangunkan aplikasi mudah alih dan dashboard	1.5.2 Peratus pembangunan dashboard MAIK	100%	100%	Pembangunan telah selesai. Penyelenggaraan dan pembaikan dibuat dari masa ke semasa berdasarkan kepada aduan. Manakala penambahbaikan dibuat berdasarkan kepada keperluan pengguna.	**Mencapai Sasaran**

Carta menunjukkan peratus pencapaian bagi teras keempat iaitu memperkukuhkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi terkini di MAIK. Terdapat 10 indikator dalam teras ini. Terdapat 6 indikator iaitu 60% yang telah mencapai sasaran dan 4 indikator iaitu 40% lagi tidak mencapai.

Formula Pengiraan Carta Pai: [Tahap Pencapaian Indikator/ jumlah indikator] x 100%



Rajah 3.4 Carta Pai Bagi Teras 4 Iaitu Memperkukuhkan Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Terkini

4.5 Teras 5 – Memperkasakan Penguatkuasaan Undang-Undang Hal Ehwal Agama Islam Dan Membudayakan Penyelidikan Bagi Kesejahteraan Ummah

i. Strategik 1 – Memantapkan Enakmen, Peraturan Dan Kaedah-Kaedah Secara Konsisten.

Jadual 3.13 mendapati ketiga-tiga indikator yang terdapat dalam Teras 5 Strategik 1 ini iaitu Peratus Pindaan Seksyen- Struktur pengurusan Pentadbiran, Peratus Pindaan Seksyen- Wakaf dan Peratus Pengubalan Peraturan Wakaf tidak mencapai sasaran yang ditetapkan bagi Tahun 2024.

Jadual 3.13 : Memantapkan Enakmen, Peraturan Dan Kaedah-Kaedah Secara Konsisten.

Inisiatif	Indikator	Sasaran	Pencapaian	Penjelasan	Tahap Pencapaian
		2024			
1.1 Menambah baik enakmen	1.1.1 Peratus pindaan seksyen - Struktur pengurusan pentadbiran	100%	8%	Pindaan ini telah mendapat persetujuan secara dasar pada Mesyuarat Majlis Bilangan 4 Tahun 2024. Draf pindaan juga telah diserahkan kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Kedah (PPUUNK) untuk semakan lanjut.	**Tidak Mencapai Sasaran**

bagi memenuhi kehendak semasa baik	1.1.2 Peratus pindaan seksyen – Wakaf	100%	64%	Pindaan ini telah mendapat persetujuan secara dasar pada Mesyuarat Majlis Bilangan 4 Tahun 2024. Draf pindaan juga telah diserahkan kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Kedah (PPUUNK) untuk semakan lanjut.	**Tidak Mencapai Sasaran**
1.2 Menambah baik peraturan/kaedah-kaedah bagi memenuhi kehendak semasa	1.2.1 Peratus penggubalan Peraturan Wakaf	100%	18%	Pindaan ini telah mendapat persetujuan secara dasar pada Mesyuarat Majlis Bilangan 4 Tahun 2024. Draf pindaan juga telah diserahkan kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Kedah (PPUUNK) untuk semakan lanjut.	**Tidak Mencapai Sasaran**

ii. Strategik 2 – Membudayakan Penyelidikan yang Berkualiti Dan Berinovasi

Jadual 3.14 mendapati 1 indikator yang mencapai sasaran dalam Teras 5 Strategik 2 ini iaitu Bilangan kolaborasi. Manakala Bilangan Penyelidikan dan Bilangan Inovasi tidak mencapai sasaran yang ditetapkan bagi Tahun 2024.

Jadual 3.14 : Membudayakan Penyelidikan yang Berkualiti Dan Berinovasi.

Inisiatif	Indikator	Sasaran	Pencapaian	Penjelasan	Tahap Pencapaian
		2024			
1.1 Melaksanakan Penyelidikan	1.1.1 Bilangan Penyelidikan	4	3	**Tajuk kajian yang telah dilaksanakan** 1) Kajian untuk menaikkan kadar peratusan caj wakaf khas bagi sewa tapak dan tapak menara telekomunikasi di atas tanah milik MAIK. 2) Kajian Mengendalikan Penganjuran Kursus Praperkahwinan Islam di Negeri Kedah oleh Majlis Agama Islam Kedah 3) Kajian Pelantikan Perunding bagi Pembangunan Pelan Strategik Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) **Kajian telah siap dilaksanakan dan akan dibentangkan di dalam mesyuarat Majlis tahun 2025** 1) Kajian Pengurusan Van Jenazah di seluruh Masjid dan Agensi di Negeri Kedah 2) Kajian Penerokaan Dana-dana Baharu Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) yang berpotensi untuk dioptimumkan.	**Tidak Mencapai Sasaran**

1.2 Berkolaborasi dengan pihak luar	1.2.1 Bilangan Kolaborasi	3	3	1) Kolaborasi bersama Bahagian Undang-Undang Keluarga Islam (UUKI) JHEAIK bagi Kajian Mengendalikan Penganjuran Kursus Praperkahwinan Islam di Negeri Kedah oleh MAIK. 2) Kolaborasi bersama Institut Penyelidikan Inovasi Zakat (IPIZ) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk kajian Penerokaan Dana-dana Baharu MAIK yang berpotensi untuk dioptimumkan. 3) Kolaborasi bersama Bahagian Masjid dan Surau JHEAIK bagi kajian pengurusan van jenazah di seluruh masjid dan agensi di Negeri Kedah.	**Mencapai Sasaran**
1.3 Melaksanakan Inovasi	1.3.1 Bilangan Inovasi	3	0	Kajian pada tahun dinilai lebih memfokuskan kepada peningkatan kos operasi untuk pendapatan MAIK berbanding pembangunan aplikasi mudah alih atau kaedah dan cara baharu berkenaan hal ehwal agama Islam.	**Tidak Mencapai Sasaran**

Carta pai menunjukkan peratus pencapaian bagi teras kelima iaitu memperkasakan penguatkuasaan undang-undang hal ehwal agama islam dan membudayakan penyelidikan bagi kesejahteraan ummah di MAIK. Terdapat 6 indikator dalam teras ini. Rumusan daripada hasil kajian menjelaskan bahawa satu indikator mencapai sasaran iaitu 17%. Manakala 5 indikator di dalam teras ini tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan bagi tahun 2024.

Formula Pengiraan Carta Pai: [Tahap Pencapaian Indikator/ jumlah indikator] x 100%



Rajah 3.5 Carta Pai Bagi Teras 5 Iaitu Memperkasakan Penguatkuasaan Undang-Undang Hal Ehwal Agama Islam Dan Membudayakan Penyelidikan Bagi Kesejahteraan Ummah

5.5 PENCAPAIAN KESELURUHAN TERAS

Terdapat 49 indikator bagi keselurusan 5 teras yang terdapat di dalam Pelan Strategik MAIK bagi tahun 2024. Kajian menunjukkan terdapat 9 indikator yang telah mencapai tahap cemerlang, 3 indikator yang melepasi sasaran, 14 indikator yang mencapai sasaran dan 23 indikator yang tidak mencapai sasaran.